



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 33 BIL 3/2022

STATUS KEBERADAAN PELAJAR YANG DITAWARKAN PULANG KE KAMPUS.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Merujuk kepada pengumuman rasmi berkaitan Kemasukan Pelajar Secara Fizikal Ke Kampus bagi Semester II, Sesi Akademik 2021/2022 yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) pada 7 Februari 2022, pihak universiti telah membenarkan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus bagi Semester II, Sesi Akademik 2021/2022 pada 3 Mac 2022 manakala bagi pelajar sedia ada pada 4-6 Mac 2022.

1. Pelajar Sedia Ada (Telah mempunyai kunci bilik)

Pelajar sedia ada yang telah ditawarkan untuk kembali ke kampus, sama ada yang telah atau tidak membuat pengesahan dalam Sistem Kembali ke Kampus namun tidak berminat untuk kembali ke kampus maka pelajar perlu membuat tindakan seperti berikut sebelum atau pada **15 Mac 2022 (Selasa)**:-

- i. Pelajar **WAJIB** membuat pemulangan kunci bilik sekiranya tidak pulang ke kampus. Kegagalan pelajar memulangkan kunci bilik akan dikenakan caj penuh yuran penginapan di Residen Pelajar.
- ii. Bagi pelajar yang ingin melakukan proses pemulangan kunci, berikut adalah perkara yang perlu dilakukan iaitu;
 - a. Memohon proses *check out* melalui *E-community*,
 - b. Mencetak borang *check out*
 - c. Serahan borang *check out* bersama kunci bilik di Pejabat Residen Pelajar sama ada secara pos atau hadir ke pejabat pada hari waktu bekerja sahaja iaitu Isnin hingga Jumaat (**9.00 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 – 4.30 petang**).

2. Pelajar Baharu (Pertama kali hadir ke kampus)

Bagi pelajar baharu yang dibenarkan pulang ke kampus bagi semester II, Sesi Akademik 2021/2022 sama ada yang telah atau tidak membuat pengesahan di Sistem kembali Ke kampus namun tidak membuat pendaftaran masuk secara fizikal ke Residen Pelajar sehingga atau pada 15 Mac 2022 maka tawaran penginapan akan **TERBATAL** serta merta. Pendaftaran masuk ke Residen Pelajar adalah pada hari dan waktu bekerja sahaja iaitu **Isnin hingga Jumaat (9.00 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 – 4.30 petang)**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 09-4315985 / 09-4316030 / 09-4316899 / 09-4315998 / 09-4316009 atau melalui email residen@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



PROFESOR MADYA DR. MANSOR BIN SULAIMAN

Dekan Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 11 Mac 2022

#StaySafe
#StayStrong
#StayAtHome
#AmalkanPenjarakanSosial
#KitaJagaKita